




# Jihad dan Konsepnya






# KANDUNGAN

| <b>Bil.</b> | <b>Tajuk</b>                                    | <b>Muka Surat</b> |
|-------------|---|-------------------|
| 1.          | Perutusan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri | <b>v</b>          |
| 2.          | Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM             | <b>vi</b>         |
| 3.          | Mukaddimah                                      | <b>1</b>          |
| 4.          | Definisi Jihad                                  | <b>2</b>          |
| 5.          | Kategori Jihad                                  | <b>4</b>          |
| 6.          | Konsep Jihad Menurut Imam al-Banna              | <b>5</b>          |
| 7.          | Pendapat Ulama Mengenai Jihad di Syria          | <b>8</b>          |
| 8.          | Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan            | <b>10</b>         |
| 9.          | Isu Khawarij dan Kembalinya kepada Islam        | <b>11</b>         |
| 10.         | Tawanan Perang                                  | <b>19</b>         |
| 11.         | Timbulnya Islamophobia                          | <b>20</b>         |
| 12.         | Beberapa Renungan dan Cabaran                   | <b>20</b>         |
| 13.         | Penyelesaiannya                                 | <b>22</b>         |
| 14.         | Penutup   | <b>23</b>         |



Diterbitkan oleh  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**  
**Jabatan Perdana Menteri**

Dengan kerjasama  
**Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan**  
**Polis Diraja Malaysia (PDRM)**  
**Majlis Keselamatan Negara**



# Perutusan

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

A lhamdulillah saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya risalah ini dapat diterbitkan tepat pada masanya. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan menjayakan penerbitan risalah ini.

Jihad adalah suruhan Allah SWT yang disebutkan-Nya di dalam al-Quran al-Karim dengan pelbagai maksud sesuai dengan tempat, masa dan kaedahnya. Ia diperkukuhkan lagi dengan keterangan dan penjelasan al-Sunnah. Kekeliruan tentang maksud dan kehendak nas al-Quran dan al-Sunnah berkenaan jihad boleh menyebabkan seseorang memahaminya secara salah dan menyeleweng daripada landasan yang sebenar.

Kerajaan begitu prihatin terhadap isu *Islamic State (IS)* yang berlaku mutakhir ini sehingga membabitkan segelintir umat Islam di Malaysia. Puncanya ialah kerana maklumat yang diperolehi adalah amat menyimpang daripada Islam yang sebenar. Tindakan mereka menyebabkan kekejaman dan kehancuran umat Islam itu sendiri. Justeru, saya berharap risalah ini boleh menjadi panduan untuk memahami konsep jihad yang sebenar dalam Islam.

Akhir kalam, saya berdoa agar seluruh umat Islam di bumi Malaysia tercinta ini sentiasa bersatu padu dan berganding bahu dalam meningkatkan syiar Islam melalui ilmu, maklumat dan kefahaman yang sebenar.

Sekian, terima kasih.

Wassalam

**YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)**

# Kata Alu-Aluan

KETUA PENGARAH JAKIM



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**A**lhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah yang Maha Esa atas pelbagai kurniaan nikmat yang tidak terhingga ke atas kita semua. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya sehingga ke hari kesudahan.

Syeikh al-Habib Zein Bin Ibrahim Bin Sumait mengatakan:

*"Maka ilmu adalah punca dan sumber kebahagiaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Ini kerana sebesar-besar kedudukan pada hak anak Adam adalah kebahagiaan yang berkekalan di akhirat dan melihat wajah Allah SWT serta menghuni syurga-Nya. Hal ini tidak akan sampai kecuali dengan ilmu dan amal. Amalan tidak mungkin dapat dilaksanakan kecuali dengan segala kaifiyatnya berdasarkan ilmu."*

Di sini jelas menunjukkan bahawa sebarang tindakan yang ingin dilakukan, seseorang itu mestilah mempunyai ilmu yang sahih dan benar agar ia menepati syariat Islam. Hal ini amat penting terutama dalam urusan jihad.

Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak kerana berjaya mengemukakan pencerahan tentang jihad dan konsepnya dalam buku ini dengan jelas, ringkas dan padat. Saya berharap intipati buku ini akan memberi kefahaman kepada kita tentang makna jihad yang sebenar dan apa yang sepatutnya dilakukan oleh umat Islam dalam memartabatkan agama Allah SWT melalui pelbagai bidang lapangan sehingga akhirnya negara kita menjadi *Baldatun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur*.

Sekian, terima kasih.

Wassalam

**Dato' Haji Othman bin Mustapha**

# Jihad dan Konsepnya







قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ  
لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna

Surah az-Zumar : ayat 9





## Jihad dan Konsepnya

### Mukaddimah

Mutakhir ini kita telah mendengar isu jihad di bumi Syria dan juga Iraq lebih-lebih lagi wujudnya *Islamic State of Iraq and Levant* (ISIL) yang telah menubuhkan *Khilafah Islamiyyah* di Iraq dan Syria.

Satu laporan menyebut lebih kurang 30,000 sukarelawan dari seluruh dunia telah mengembara ke Syria untuk menyertai kumpulan militan *Islamic State* (IS) serta beberapa kumpulan militan yang lain. *United Nations Security Council* (UNSC) turut mendedahkan sekurang-kurangnya 15,000 militan dari negara asing menyertai pertempuran di Syria. Manakala 15 warga AS disahkan berada di negara yang dilanda konflik sejak 2011 itu.

Setakat ini dilaporkan kira-kira 60 orang rakyat Malaysia masih berada di Syria menyertai IS. Manakala seramai 66 orang telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Pencegahan 2013 (SOSMA) sebagai usaha mengekang keterlibatan rakyat Malaysia bersama IS.

Kadar bilangan perjalanan pejuang asing ke Syria belum pernah terjadi sebelumnya. Ia melebihi kadar pengembara yang pergi ke Afghanistan, Pakistan, Iraq, Yaman dan Somalia. Situasi ini belum pernah terjadi dalam tempoh 20 tahun lepas. Tambah sumber itu lagi sebahagian besar militan telah menyertai IS di Syria dan Iraq.

Situasi itu meningkatkan kebimbangan Barat mengenai ancaman militan yang pulang dari kedua-dua negara tersebut. Situasi pertempuran di Iraq dan Syria membuka ruang kepada pejuang asing mendapatkan pengalaman bertempur, latihan ketenteraan, mengendali senjata dan bahan letupan. Mereka juga berupaya mendapatkan akses kepada rangkaian pengganas yang mungkin merancang untuk menjadikan Barat sebagai sasaran serangan.

Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam *Fiqh al-Jihad* telah membahagikan tiga golongan yang melihat isu jihad dari pelbagai aspek, antaranya, golongan yang mengisytiharkan perang terhadap dunia, beliau berkata: "*Sesungguhnya*

pemikiran yang begini mempunyai pengaruh yang buruk terutama kepada para pemuda yang mempunyai niat yang ikhlas. Lantas mereka mengangkat senjata kepada bangsa dan keluarga sendiri sehingga mereka terbunuh. Mereka menganggap bangsa dan keluarga mereka sebagai kelompok orang kafir yang harus diperangi kerana murtad daripada Islam. Golongan fanatik ini terus melemparkan tuduhan kafir terhadap orang yang bercanggah pendapat dengan mereka sehingga golongan ulama turut dikafirkan. Mereka tidak peduli dengan tindakan membunuh golongan yang tidak berdosa sehingga menyebabkan Islam dilabelkan sebagai agama kekerasan."

Lebih menggerunkan lagi keadaan terkini dilaporkan bahawa tawanan perang dihukum dengan cara sembelihan atau pembakaran selepas kegagalan persetujuan di meja rundingan. Tindakan keras ini sudah pasti memberi satu gambaran yang silap tentang Islam. Ia bukan sahaja boleh mencetuskan *Islamophobia* di kalangan masyarakat yang bukan Islam bahkan sesama Islam itu sendiri. Justeru, buku kecil ini akan cuba memberi satu gambaran tentang hakikat jihad yang sebenar dalam Islam. bab dan juga memahami akan realiti kehidupan semasa kerana Islam itu sesuai di sepanjang zaman dan di semua tempat.

## Definisi Jihad

Jihad daripada sudut bahasa adalah masdar kepada *jahada* (جَاهَدَ), *yujahidu* (يُجَاهِدُ), *jihadan* (جِهَادًا) dan *mujahadatan* (مُجَاهَدَةً).

Jihad berasal daripada perkataan *jahada*, *yajhadu* (يَجْهَدُ), dan *jahdan* (جِهْدًا).

Sebagai contoh, kamu berkata: جَهَدَ الرَّجُلُ فِي كَذَا maksudnya: Seseorang itu

bersungguh-sungguh melakukan sesuatu dan جَهَدَ الرَّجُلُ دَابَّتَهُ maksudnya:

Seorang lelaki membebankan binatangnya dengan barang yang di luar kemampuan binatang itu. Contoh ini terdapat dalam **Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim**

Kemudian, dalam Mu'jam itu menyebutkan lagi: *al-jahdu* (الجهْد) baris atas pada huruf jim adalah kata nama dan *al-juhdu*, iaitu baris dhommah pada huruf jim adalah sebutan bahasa.

Jihad dan mujahadah bererti mencurahkan tenaga bagi menentang musuh.

Dalam **al-Fiqh al-Manhaji** menyebut: Jihad dalam bahasa Arab ialah kata nama terbitan daripada *jaahada* (جَاهَدَ) yang bermaksud berusaha gigih untuk mencapai sesuatu matlamat.



Jihad menurut istilah syariat Islam ialah berusaha gigih untuk menegakkan sebuah masyarakat Islam dan meletakkan kalimah Allah di tempat yang tertinggi, seterusnya membawa syariat Allah untuk memimpin seluruh alam.

Kesimpulannya, jihad bererti seseorang muslim mencurahkan tenaga dan kekuatan bagi menentang kejahatan dan membuang kebatilan bermula daripada membuang kejahatan dalam diri dengan menolak godaan-godaan syaitan. Manakala yang keduanya jihad menentang kejahatan yang berlaku dalam masyarakat sekeliling di mana ia berada sekadar mana yang termampu.

Terdapat tiga bahagian dalam jihad:

- i. Jihad melawan musuh yang jelas.
- ii. Jihad melawan syaitan.
- iii. Jihad melawan nafsu.

Ketiga-tiga bahagian ini termasuk dalam ayat:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ

**Maksudnya:**

*Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya.*

(Surah al-Hajj: 78)

Al-Maghari berkata: "Berjihadlah pada jalan Allah SWT dengan jihad yang sebenarnya, dengan hati yang tulus ikhlas demi mendapatkan keredhaan-Nya tanpa berasa takut terhadap celaan orang yang mencela.

### Jihad Melawan Nafsu

Terdapat empat peringkat dalam jihad melawan nafsu. Mereka yang berjaya melalui kesemuanya, maka tergolonglah dalam golongan rabbani.

**Pertama:** Jihad melawan nafsu untuk mempelajari ilmu dan agama yang benar. Tiada kejayaan dan kebahagiaan hakiki dalam kehidupan di dunia dan akhirat melainkan dengan ilmu. Apabila ilmu berkaitannya tidak berada dalam jiwa, maka ia telah menempah kecelakaan di dunia dan akhirat.

**Kedua:** Jihad melawan nafsu untuk mengamalkan ilmu selepas mempelajarinya. Jika tidak, ilmu itu sama sekali tidak akan memberi manfaat kepadanya walaupun ia tidak mendatangkan kemudharatan.

**Ketiga:** Jihad melawan nafsu untuk menyampaikan ilmu kepada mereka yang jahil. Jika tidak, dia akan termasuk dalam golongan yang menyembunyikan ilmu (*kitman al-'ilm*). Ilmunya tidak memberi manfaat kepada dirinya dan tidak menyelamatkannya daripada azab api neraka.

**Keempat:** Jihad melawan nafsu untuk bersabar menanggung beban dakwah dan cercaan manusia serta melakukannya semata-mata kerana Allah.

Ulama' salaf bersepakat bahawa seorang alim tidak layak digelar rabbani sehingga dia mengetahui kebenaran, mengamalkan dan mengajarkannya. Itulah ciri-ciri orang yang mulia di sisi penduduk langit.

## Kategori Jihad

Berdasarkan pengertian jihad yang dinyatakan, jihad boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

- Jihad melalui pendidikan, penyebaran kesedaran Islam dan menolak segala salah faham yang menghalang manusia daripada beriman dan memahami hakikat Islam yang sebenar.
- Jihad dengan menyumbang harta benda untuk menampung keperluan ke arah pembentukan sebuah masyarakat Islam yang diimpikan.
- Perang berbentuk mempertahankan diri, iaitu apabila masyarakat Islam berdepan dengan serangan daripada musuh yang cuba menggugat agama Islam.
- Perang berbentuk menyerang, iaitu apabila masyarakat Islam memulakan serangan untuk menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat lain di negara lain dan pemerintah negara tersebut pula menghalang daripada disampaikan kebenaran kepada rakyatnya.
- Kerahan tenaga ketika musuh menyerang negara Islam dan menggugat agama, bumi dan kebebasan beragama umat Islam.

Dengan ini, pengertian yang dapat merangkumi kesemua kategori jihad ini ialah berusaha sedaya upaya untuk memartabatkan syariat Allah dan menyebarkan kalimah-Nya ke seluruh muka bumi.



## Konsep Jihad Menurut Imam al-Banna

Hasan al-Banna telah mengungkapkan ucapan yang lengkap dan menyeluruh dalam pemahamannya terhadap jihad dengan kefahaman dari aspek maqasid dan bukan bentuk kefahaman dari sudut bahasa dan istilah. Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi sendiri mengakui bahawa beliau pernah mempelajari pemikiran al-Banna dan terkesan dengan ilmu dan fiqhnya.

Kemungkinan Hasan al-Banna menceduk pemikiran jihad ini daripada penulisan-penulisan Ibn al-Qayyim dan dicorakkannya dengan acuan haraki dan dakwah yang sesuai dengan kehendak semasa.

Kata Imam Hasan al-Banna:

"Antara jenis jihad dalam Islam wahai saudara yang dikasihi; perasaan yang kuat diliputi kelembutan hati itu kepada kehebatan dan kemuliaan Islam, rindu kepada kekuasaan pemerintahan dan kekuatan Islam serta menangis sedih atas kelemahan umat Islam dan kehinaan yang menimpa mereka. Begitu juga perasaan ini menimbulkan rasa sedih terhadap keadaan tersebut yang tidak diredhai Allah, Nabi Muhammad SAW, jiwa yang sejahtera dan hati seorang Mukmin berdasarkan satu kenyataan:

مَنْ لَمْ يَهْتَمَّ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ

### Maksudnya:

*"Sesiapa yang tidak mengambil berat tentang urusan orang Islam maka dia bukan dalam kalangan mereka."*

(Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsat, no. 7473)

Seorang penyair berkata :

لِمَثَلِ هَذَا يَذُوبُ الْقَلْبُ مَنْ كَمَدَ إِذَا كَانَ فِي الْقَلْبِ إِسْلَامٌ وَإِيمَانٌ

*"Dengan kejadian seumpama ini hati menjadi lembut kerana sedih Sekiranya dalam hati itu terdapat Islam dan Iman."*

Antara jenis jihad di jalan Allah ialah kebimbangan yang berterusan ini dan suasana sedemikian hendaklah membawa kepada pemikiran yang kuat untuk berjaya, cuba mencari jalan keluar dan menggunakan waktu yang panjang untuk berfikir secara mendalam yang seterusnya memurnikan jalan-jalan untuk beramal serta menuntut aspek-aspek penelitian agar kamu mendapatkan jalan

keluar dan penyelamat bagi umatmu. Niat seseorang itu lebih baik daripada amalannya, dan Allah sahajalah yang mengetahui apa yang dikhianati oleh pandangan mata dan yang disembunyikan oleh hati.

Antara jenis jihad di jalan Allah juga ialah kamu menyumbang sebahagian waktu, harta dan tuntutan diri kamu untuk kebaikan Islam serta generasi Muslimin. Sekiranya kamu seorang ketua tentera, maka kamu boleh menyumbang dalam tuntutan bidang kepimpinan, dan sekiranya kamu seorang pengikut, maka kamu bertindak membantu para pendakwah. Setiap satu pihak terdapat kebaikan dan kedua-duanya dijanjikan Allah dengan kebaikan.

Allah SWT berfirman:

مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُمْ مِنَ الْأَعْرَابِ أَنْ يَتَخَلَّفُوا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا بِأَنْفُسِهِمْ عَنْ نَفْسِهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطَّوِّئُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوِّ نِيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ إِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ (١٢٠) وَلَا يُنْفِقُونَ نَفَقَةً صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً وَلَا يَقْطَعُونَ وَادِيًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ لِيَجْزِيَهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

**Maksudnya:**

*"Tidak sepatutnya bagi penduduk Madinah dan orang Arab Badwi yang berada disekitar mereka (untuk) tidak turut menyertai Rasulullah (pergi berperang) dan tidak patut (pula) bagi mereka yang mencintai diri mereka lebih daripada (mencintai) diri Rasul. Yang demikian itu ialah kerana mereka tidak ditimpa kehausan, kepayahan dan kelaparan pada jalan Allah dan tidak pula menginjak sesuatu tempat yang membangkitkan amarah orang-orang kafir; dan tidak menimpakan suatu bencana kepada musuh, melainkan dituliskanlah bagi mereka dengan yang demikian itu suatu amal soleh. Sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang yang berbuat baik. Dan tiadalah mereka menafkahkan suatu nafkah yang kecil dan tidak (pula) yang besar dan tidak melintasi suatu lembah (berjihad) melainkan dituliskan bagi mereka (sebagai amal soleh pula), kerana Allah akan memberikan balasan kepada mereka (dengan balasan) yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan"*

(Surah al-Taubah: 120-121)





Al-Maghari berkata: "Ayat ini memberi pedoman bahawa orang yang bermaksud untuk melakukan kebaikan walau dengan apa cara sekalipun seperti duduk, berjalan, berkata atau perbuatan-perbuatan yang lain, semua itu disyukuri oleh Allah SWT dan akan diberi pahala."

Juga termasuk jihad di jalan Allah ialah kamu menyuruh kebaikan, mencegah kemungkaran, patuh kepada Allah, Rasul dan kitab-Nya, taat dan menasihati para pemimpin Muslimin dan orang awam. Kamu juga mengajak kepada jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan nasihat yang baik. Tidak ada suatu kaum yang meninggalkan budaya nasihat-menasihati melainkan mereka menjadi hina dan tidak ada suatu kaum yang meremehkan amalan saling mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran melainkan mereka tidak diberi pertolongan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُودَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ (٧٨) كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ

**Maksudnya:**

"Telah dilaknati orang-orang kafir daripada Bani Israil melalui lisan Nabi Daud dan Nabi Isa putera Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka derhaka dan selalu melampaui batas. Mereka tidak saling melarang antara satu sama lain tindakan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruklah apa yang telah mereka lakukan itu."

(Surah al-Ma'idah: 78-79)

Selain daripada itu jihad di jalan Allah juga ialah kamu mengingkari orang yang menentang agamanya dan memboikot orang yang memusuhi Allah dan Rasul-Nya. Maka, tiada lagi hubungan komunikasi dan makan minum bersama yang wujud antara kamu dengannya. Disebutkan dalam hadith:

إِنَّ أَوَّلَ مَا دَخَلَ النَّقْصُ عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ كَانَ الرَّجُلُ يَلْقَى الرَّجُلَ فَيَقُولُ يَا هَذَا اتَّقِ اللَّهَ وَدَعْ مَا تَصْنَعُ فَإِنَّهُ لَا يَجِلُّ لَكَ ثُمَّ يَلْقَاهُ مِنَ الْغَدِ فَلَا يَمْنَعُهُ ذَلِكَ أَنْ يَكُونَ أَكْبَلَهُ وَشَرِيْبَهُ وَقَعِيدَهُ فَلَمَّا فَعَلُوا ذَلِكَ ضَرَبَ اللَّهُ قُلُوبَ بَعْضِهِمْ بِبَعْضٍ

**Maksudnya:**

*"Sesungguhnya kekurangan yang mulamula dialami oleh kaum Bani Israil ialah bilamana seorang lelaki bertemu dengan lelaki lain (dari kalangan mereka), maka ia berkata kepadanya, «Wahai saudara, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkanlah dosa yang kamu lakukan itu, sesungguhnya perbuatan itu tidak halal bagimu." Kemudian apabila ia bertemu pada keesokan hari, maka hal tersebut tidak mencegahnya untuk menjadi teman makan, teman minum, dan teman duduknya. Setelah mereka melakukan hal tersebut, maka Allah memecahbelah hati mereka, sebahagian daripada mereka bertentangan dengan sebahagian yang lain."*

(Riwayat Abu Daud no. 4336 dan al-Baihaqi no. 20196). Syeikh Syu'aib al-Arnaout menghukumkan hadith ini dhaif kerana isnadnya terputus. Abu Ubaidah iaitu Ibn Abdullah bin Mas'ud – tidak mendengar daripada bapanya.

## Pendapat Ulama Mengenai Jihad di Syria

Ramai tokoh tidak mengizinkan umat Islam dari negara lain berjihad di bumi Syria terutamanya suasana mutakhir ini yang telah menjadi semakin rumit.

Antara tokoh tersebut ialah:

**Pertama:** Syeikh Abdullah Musthafa Rahhal, Ketua Rabitah Ulama Idlib di Syria. Beliau mengatakan bahawa:

- Ramai generasi muda dari beberapa negara seperti Malaysia dan Indonesia terbabit dalam peperangan yang sebenarnya tidak mengikut cara jihad dalam Islam.
- Generasi muda itu juga tidak benar-benar faham bahasa Arab dan keadaan semasa di sana sehingga mendedahkan mereka kepada manipulasi ISIL yang sebenarnya datang dari luar Syria atas sebab dan perjuangan yang kabur walaupun mereka mendakwa atas nama jihad.
- Semangat yang berkobar-kobar apabila dibakar dengan jihad mendorong mereka untuk menyertai kumpulan tertentu padahal sebenarnya mereka tidak berjihad atas nama Islam.
- Generasi muda dari Malaysia dan Indonesia dinasihatkan tidak menyertai peperangan di Syria kerana dikhuatiri terpesong.





- Walaupun datang dengan tujuan yang baik dan semangat yang berkobar-kobar, niat mereka mungkin terpesong kerana tiada pengetahuan yang lengkap tentang situasi di Syria menyebabkan mereka terjebak dalam kancah peperangan yang tiada kaitan dengan jihad.
- ISIL didapati menggunakan nama-nama ulama palsu yang sebenarnya datang dari negara lain termasuk Rusia dan Iran atas tujuan yang tidak jelas status jihadnya.

**Kedua:** Syeikh Muhammad Said Ramadhan al-Buti.

Seorang ulama yang terkenal digelar sebagai Syahid al-Mihrab berpendapat:

- Sejak awal, kita seharusnya berwaspada dan mengikut segala saranan Rasulullah SAW yang menyuruh umatnya menghindari tindakan menimbulkan tragedi seperti ini dan menjauhi daripada "berjihad" di atas *راية عمية* iaitu di atas dorongan mereka yang kita tidak kenali dan ketahui tentang apakah tujuan mereka menimbulkan huru-hara ini. Jika kita berwaspada tiada sesiapa pun yang akan terkorban dan membawa kepada malapetaka ini.
- Namun adakah seorang yang cerdik dan berakal waras sanggup menjual atau memusnahkan negara ini semata-mata untuk membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pihak kerajaan? Apakah kamu berharap dapat membetulkan kesalahan-kesalahan pihak kerajaan, tetapi pada masa yang sama kamu telah hilang sebuah negara yang bernama Syria yang bersejarah ini? Bukankah kamu akan bersama saya untuk menangis kesedihan sebagaimana yang disifatkan dalam sebuah syair:

*"Hari ini, mungkin kamu menangis kerananya, namun*

*Bila ia berada pada milik orang, nescaya kamu menangisinya pula"*

- Sepatutnya kamu boleh memberi bantuan kewangan kepada orang yang susah dan mendamaikan pihak yang bertelagah. Kewajipan sekarang ialah memberi bantuan pertolongan atau sumbangan yang diperlukan.

**Ketiga:** Syeikh Usamah Rifaie, tokoh ulama terkenal Syam.

Beliau berpendapat tidak perlu pemuda dari Malaysia menyertai misi jihad tetapi hanya misi kemanusiaan untuk makanan, minuman dan ubat-ubatan.

**Keempat:** Syeikh Muhammad Muwaffaq al-Murabi', Naib Mudir Maahad al-Fatah Islami.

Beliau berpendapat bahawa tidak patut pemuda Malaysia datang ke bumi Syria untuk berperang tetapi lebih utama memberi bantuan kemanusiaan.

**Kelima:** Syeikh Muhammad Husin Kanu, salah seorang ulama di Syria. Beliau berpendapat bahawa orang Islam di Malaysia atau negara-negara lain tidak perlu terbabit dalam berjihad di bumi Syria.

**Keenam:** Dr. Ali al-Qarah Daghi (Setiausaha Kesatuan Ulama Sedunia).

Beliau berkata:

Jihad di Syria adalah jihad yang meragukan kerana keadaan yang tidak menentu di sana dan mengangkat senjata tidak mendatangkan manfaat dalam isu ini. Beliau menyeru kepada jihad dari sudut kewangan dan kemanusiaan.

**Ketujuh:** Dr Abdul Aziz Hanafi, Pengerusi Gabungan Institusi Pondok, Tahfiz dan Ilmuwan Islam.

Beliau menyokong kenyataan yang dikeluarkan oleh Syeikh Abdullah Musthafa Rahhal, Ketua Rabitah Ulama Idlib di Syria. Katanya:

- Apa yang dikatakan oleh Syeikh Abdullah Musthafa Rahhal boleh dijadikan iktibar oleh belia Malaysia yang mungkin ghairah apabila mendengar seruan jihad sedangkan mereka mungkin membunuh dan merosakkan lagi keadaan tanpa faham situasi dalam sebuah negara yang sedang bergolak.

### Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah JAKIM dan kertas kerja yang disediakan serta meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa:

- Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) atau Islamic State of Iraq and Levant (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri dari tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan 'pemerintahan Islam' mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami ortodoks dan radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai 'Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad' di bawah pimpinan Abu Mus'ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera*



Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq, dan juga kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghan selepas peristiwa 11 September.

- ii. Kebanyakan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia telah mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan darah mereka. Mereka membunuh rakyat tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Para Ulama Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij di zaman moden dan Jumhur Ulama Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.
- iii. Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas syarak, Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.
- iv. Oleh itu, Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.
- v. Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL ini.

### Isu Khawarij dan Kembalinya Kepada Ajaran Islam

Para ulama' khususnya mereka yang pakar berkenaan agama dan aliran pemikiran (*al-Milal wa al-Nihal*) telah membincangkan pelbagai aliran sesat yang terdapat dalam dunia Islam. Antaranya adalah Khawarij.

## Sejarah Khawarij

Secara bahasa, *Khawarij* berarti orang-orang yang telah keluar. Istilah ini merujuk kepada segolongan umat Islam yang keluar dari kumpulan Ali ibn Abi Thalib RA kerana kekecewaan mereka terhadap sikapnya yang telah menerima tawaran *tahkim* dari kelompok Mu'awiyah yang dipimpin oleh Amr ibn Ash dalam Perang Siffin.

Hakikatnya, pemikiran Khawarij telah muncul sejak zaman Rasulullah SAW. Ketika Rasulullah SAW membahagi-bahagikan harta rampasan perang di desa Ji'ranah selepas Perang Hunain, beliau memberikan seratus ekor unta kepada Aqra' bin Habis dan Uyainah bin Hafs. Beliau juga memberikan kepada beberapa orang dari tokoh Quraisy dan pemuka-pemuka arab lebih banyak dari yang diberikan kepada yang lainnya. Melihat hal ini, seseorang lelaki yang dikenali dengan nama Zul Khuwaisirah berkata dengan suara yang keras: "*Berbuat adillah, karena sesungguhnya engkau belum berbuat adil!*". Mendengar ucapan ini Rasulullah SAW membalas: "*Celakalah kamu, siapa yang lebih adil jika aku tidak adil. Celaka dan rugilah aku jika tidak adil.*" Saat itu Umar al-Khattab RA meminta izin untuk membunuhnya, namun Rasulullah SAW melarangnya. Baginda memberitahu akan munculnya kaum pemberontak dari keturunan Zul Khuwaisirah.

Dalam riwayat lain disebutkan bahawa mereka adalah orang-orang yang bagus bacaan al-Qur'annya, namun ia tidak mengambil faedah daripada apa yang mereka baca. Sabda Nabi SAW :

سَيَخْرُجُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ قَوْمٌ أَحَدَاتُ الْأَسْنَانِ سَفَهَاءُ الْأَحْلَامِ رَايَةَ عَمِيَّةٍ  
يَقُولُونَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ يَمْزُقُونَ مِنْ  
الدِّينِ كَمَا يَمْزُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ فَإِذَا لَقِيَتْهُمْ فَأَقْتُلُوهُمْ فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ  
أَجْرًا لِمَنْ قَتَلَهُمْ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

"Akan keluar di akhir zaman, satu kaum yang muda pada umurnya dan tidak matang pada pemikirannya, tetapi mereka akan bertutur (seakan-akan) mereka adalah terbaik dalam kalangan makhluk. Mereka membaca al-Qur'an tetapi tidak sampai ke tenggorok mereka. Mereka keluar daripada agama sebagaimana keluarnya busur daripada panah. Apabila bertemu mereka, maka bunuhlah. Sesungguhnya ada ganjaran

pada sesiapa membunuh mereka di sisi Allah pada hari kiamat.”

(Riwayat Muslim, no.1066)

## Ajaran Khawarij dan Ciri-Cirinya

Khawarij mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat yang menonjol. Rasulullah SAW telah mengkhabarkan sifat-sifat kaum ini dalam hadith-hadithnya. Disini dipaparkan penjelasan sifat-sifat tersebut dengan sedikit keterangan:

- **Suka Mencela Dan Menganggap Sesat**

Sifat yang paling nampak dari Khawarij adalah suka mencela para imam, menganggap mereka sesat, dan menghukum mereka sebagai orang-orang yang sudah keluar dari keadilan dan kebenaran. Sifat ini jelas tercermin dalam pendirian Zul Khuwaisirah terhadap Rasulullah SAW dengan perkataannya: *"Berbuat adillah, karena sesungguhnya engkau belum berbuat adil!"*.

Dzul Khuwaisirah telah menganggap dirinya lebih warak daripada Rasulullah SAW dan menganggap Baginda SAW tidak adil dalam pembahagian harta rampasan perang.

- **Berprasangka Buruk**

Ini adalah sifat Khawarij yang melabelkan orang dengan pelbagai sangkaan buruk sebagaimana tuduhan Zul Khuwaisirah yang dilemparkan kepada Baginda SAW

وَاللَّهِ إِنَّ هَذِهِ لَقِسْمَةٌ مَا عَدَلَ فِيهَا وَمَا أُرِيدَ فِيهَا وَجْهَ اللَّهِ

"Demi Allah, sesungguhnya ini adalah suatu pembahagian yang tidak adil dan tidak dikehendaki di dalamnya keredhaan Allah".

(Riwayat Muslim, no. 1062)

Dzul Khuwaishirah ketika melihat Rasulullah SAW membahagi harta kepada orang-orang kaya, bukan kepada orang-orang miskin, ia tidak menerimanya dengan prasangka yang baik atas pembagian tersebut.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah berkata: "Pada tahun peperangan Hunain, Baginda SAW membahagi harta rampasan Perang Hunain kepada orang-orang yang hatinya lemah daripada penduduk Najd dan bekas tawanan Quraisy seperti ʿUyainah bin Hafs, dan baginda tidak berikan kepada para Muhajirin dan Ansar sedikitpun."

Ini bertujuan untuk mengikat hati mereka dengan Islam karena ikatan hati mereka dengannya merupakan masalah umum bagi kaum Muslimin, sedangkan yang tidak diberikan harta adalah karena mereka lebih baik di mata Baginda SAW dan mereka adalah wali-wali Allah yang bertaqwa dan seutama-utama hamba Allah yang soleh setelah para Nabi dan Rasul.

- **Berlebihan Dalam Beribadah**

Sifat ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya :

يُخْرِجُ قَوْمٌ مِنْ أُمَّتِي يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ. لَيْسَ قِرَاءَتُكُمْ إِلَيَّ قِرَاءَتَهُمْ بِشَيْءٍ. وَلَا صَلَاتُكُمْ إِلَيَّ صَلَاتَهُمْ بِشَيْءٍ. وَلَا صِيَامُكُمْ إِلَيَّ صِيَامَهُمْ بِشَيْءٍ

Maksudnya:

«Akan muncul suatu kaum dari umatku yang membaca Al-Quran, yang mana bacaan kamu tidaklah sebanding bacaan mereka sedikitpun, tidak pula shalat kamu sebanding dengan shalat mereka sedikitpun, dan tidak pula puasa kamu sebanding dengan puasa mereka sedikitpun».

(Riwayat Muslim, no. 1064)

Berlebihan dalam ibadah berupa puasa, solat, zikir dan bacaan Al-Quran merupakan perkara yang masyhur di kalangan orang-orang Khawarij. Ibn Hajar al-Asqalani dalam **Fath Al-Bari** menyebutkan:

"Mereka (Khawarij) dikenal sebagai qurra (ahli membaca Al-Quran), karena besarnya kesungguhan mereka dalam tilawah dan ibadah, akan tetapi mereka suka mentakwil Al-Quran dengan takwil yang menyimpang dari maksud yang sebenarnya. Mereka lebih mengutamakan pendapatnya, berlebih-lebihan dalam zuhud, khususyuk dan lain-lain".

Mekipun kaum Khawarij rajin dalam beribadah, tetapi ibadah ini tidak bermanfaat bagi mereka, dan mereka pun tidak dapat mengambil manfaat daripadanya. Mereka seolah-olah bagaikan jasad tanpa roh dan pohon tanpa buah.

- **Keras Terhadap Kaum Muslimin**

Sesungguhnya kaum Khawarij terkenal dengan sikap bengis dan kasar, bahkan kekasaran mereka telah sampai pada tahap menghalalkan darah dan harta kaum Muslimin serta kehormatannya.



Rasulullah SAW telah memberitakan sifat mereka ini dalam sabdanya :

يَفْتُلُونَ أَهْلَ الْإِسْلَامِ وَيَدْعُونَ أَهْلَ الْأَوْثَانِ

**Maksudnya:**

" ...Mereka membunuh pemeluk Islam dan membiarkan penyembah berhala ..."

(Riwayat al-Bukhari, no. 3644)

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani dalam **Fath al-Bari**:

*"Maka mereka tidak dapat mengambil manfaat dari banyaknya tilawah dan zikir mereka. Mereka tidak mengambil pedoman dengan petunjuk-Nya dan tidak menuruti jalan-jalan-Nya. Padahal pemilik syariat telah menerangkan bahwa syariat-Nya itu mudah dan lembut. Sesungguhnya yang diperintahkan-Nya ialah supaya bersikap keras terhadap orang kafir dan lemah lembut terhadap orang beriman. Tetapi orang-orang Khawarij itu sebaliknya."*

- **Sedikitnya Pengetahuan Mereka Tentang Fiqh**

Sesungguhnya kesalahan Khawarij yang sangat besar adalah kelemahan mereka dalam penguasaan Al-Qur'an dan al-Sunnah walaupun mereka menghafaz al-Quran. Apa yang dimaksudkan adalah buruknya pemahaman mereka, sedikitnya tadabbur dan merasa terikat dengan golongan mereka, serta tidak menempatkan nas-nas pada tempat yang benar.

Kerosakan pemahaman yang buruk dan dangkalnya pemahaman fiqh mereka menyebabkan bahaya yang besar. Kerosakan itu telah banyak mengelirukan umat Islam dan menimbulkan luka yang berbahaya. Dimana mendorong pelakunya mengkafirkan orang-orang soleh yang mereka anggap sesat serta mudah mencela tanpa alasan yang benar. Akhirnya timbullah perpecahan, permusuhan dan peperangan.

- **Tidak Matang dan Cetek Pemikiran**

Antara perkara yang boleh mengeluarkan seseorang daripada jalan yang lurus dan petunjuk yang benar ialah umur yang masih muda (tidak matang) dan berakal lemah (pemikiran yang cetek).

Ibn Hajar berkata:

*"Ahdath al-asnan* ertinya 'mereka itu pemuda' dan yang dimaksud dengan *sufaha' al-ahlam* adalah «akal mereka rosak".

Kata Imam Nawawi; "Sesungguhnya kemampanan dan wawasan yang jelas akan muncul ketika usianya sempurna, banyak pengalaman serta kuat akalnya".

Umur yang masih muda, jika diikuti dengan akal yang lemah akan menimbulkan perbuatan yang bermasalah, antara ciri-cirinya:

- i. Mendahulukan pendapat mereka sendiri daripada pendapat Rasulullah SAW dan para sahabatnya yang mulia.
- ii. Meyakini bahawa diri merekalah yang benar, sedang para imam yang telah mendapat petunjuk itu salah.
- iii. Mengkafirkan sebahagian atas sebahagian yang lain hanya kerana perbezaan yang kecil saja.

### Pendapat Saidina Ali Berkenaan Khawarij

Walaupun sikap Khawarij begitu menyimpang dari ajaran Islam, Saidina Ali sendiri masih mengiktiraf kelompok Khawarij sebagai saudara sebagaimana katanya yang masyhur:

إِحْوَانَنَا بَعُؤُوا عَلَيْنَا

**Maksudnya:** "Mereka adalah saudara-saudara kita tetapi melampau atas kita."

Sikap mereka yang memusuhi umat Islam yang lain tidak dibalas dengan permusuhan yang sama oleh Saidina Ali, namun ia tetap tidak menafikan penyelewengan mereka sebagaimana kata Saidina Ali: "...melampau atas kita."

### Istibah (Taubat) Khawarij Apabila Berdebat Dengan Ibn Abbas

Dalam kitab al-Hilyah al-Awliya' yang dinukilkan oleh Abu Nu'aim al-Asbahani, daripada Ibn Abbas katanya:

*"Ketika kaum Haruriyyah (Khawarij) memberontak, mereka berkumpul di suatu daerah. Ketika itu bilangan mereka sekitar 6000 orang. Maka aku pun berkata kepada 'Ali bin Abi Thalib: "Wahai Amirul Mu'minin, tundalah solat Zohor hingga matahari tidak terlalu panas, mungkin aku boleh berbicara dengan kaum Khawarij".*

*Ali berkata: "Aku bimbang akan keselamatanmu". Aku berkata: "Jangan bimbang" Lalu aku memakai pakaian yang baik dan bersiap-siap. Aku tiba di daerah*





mereka pada waktu tengah hari, ketika itu kebanyakan mereka sedang makan. Mereka berkata: "Selamat datang wahai Ibnu 'Abbas, apa yang membuatmu datang ke sini?". Aku berkata: "Aku datang mewakili para sahabat Nabi dari kalangan Muhajirin dan Ansar dan mewakili sepupu Nabi (Ali bin Abi Thalib). Merekalah yang bersama Nabi, Al Qur'an diturunkan di tengah-tengah mereka, dan merekalah yang paling memahami makna Al Qur'an. Dan tidak ada seorang pun daripada kamu yang termasuk sahabat Nabi. Akan aku sampaikan perkataan mereka yang lebih benar dari perkataan kamu".

Lalu sebahagian daripada mereka cuba menghalangku untuk berbicara. Aku berkata lagi: "Sampaikan kepada saya apa alasan kamu memerangi para sahabat Rasulullah dan sepupunya (Ali bin Abi Thalib)?". Mereka menjawab: "Ada 3 perkara.". Aku berkata: "Apakah ia?".

Mereka menjawab: "Pertama: Dia telah menjadi hakim dalam urusan Allah, padahal Allah Ta'ala berfirman: "Sesungguhnya hukum itu hanyalah milik Allah" (Al An'am: 57, Yusuf: 40). Betapa beraninya seseorang menetapkan hukum!".

Aku berkata: "Ini yang pertama, lagi?". Mereka menjawab: "Kedua: Dia memimpin perang (melawan pihak 'Aisyah) namun tidak menawan tawanan dan tidak mengambil harta rampasan perang. Padahal jika memang dia memerangi orang kafir maka halal tawanannya. Namun jika yang diperangi adalah orang mukmin maka tidak halal tawanannya dan tidak boleh diperangi".

Aku berkata: "ini yang kedua, lalu apa yang ketiga?". (Ketiga) Mereka menyampaikan perkataan yang isinya kaum Khawarij berpendapat bahawa Ali bin Abi Thalib telah menghapuskan gelaran Amirul Mu'minin dari dirinya, dengan demikian ia adalah Amirul Kafirin.

Aku lalu berkata: "Apakah masih ada lagi alasan kamu?". Mereka menjawab: "Itu sudah cukup". Aku berkata: "bagaimana menurut kamu jika aku membacakan Al-Qur'an dan hadith Nabi yang bercanggah dengan pendapat kamu? Apakah kamu akan bertaubat?". Mereka berkata: "Ya". Aku katakan: "Adapun perkataan kamu bahawa Ali bin Abi Thalib telah menetapkan hukum dalam perkara Allah, aku akan membacakan Kitabullah kepada kamu bahawa Allah telah menyerahkan hukum kepada manusia dalam 1/4 dirham. Allah SWT memerintahkan untuk berhukum kepada manusia dalam hal ini. Tidakkah kamu membaca firman Allah SWT (yang ertinya): 'Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu membunuh haiwan buruan dalam keadaan berihram. Barang siapa yang membunuhnya secara sengaja, maka dendanya adalah menggantinya dengan haiwan yang seimbang dengannya, menurut keputusan hukum dua orang yang adil diantara kamu' (Al-Maidah: 95)"

Ini diantara hukum Allah yang Allah serahkan keputusannya kepada manusia. Andaikan Allah berkehendak, tentu Allah boleh memutuskan sahaja hukumnya. Namun Allah membolehkan berhukum kepada manusia. Demi Allah aku bertanya kepada kamu, apakah hukum seseorang yang mendamaikan suami-isteri yang berselisih atau dalam menjaga darah kaum Muslimin atau dalam masalah daging arnab itu afdhal? Mereka menjawab: "Ya, tentu itu afdhal". Dalam masalah pertikaian suami isteri, "Dan bila kamu mengkhawatirkan perceraian antara keduanya, maka kirimlah seorang hakim (sebagai orang tengah yang memberi keputusan) dari keluarga lelaki dan seorang hakim dari keluarga wanita" (Al-Nisaa: 35). Demi Allah kamu diperintahkan-Nya berhukum kepada manusia dalam mendamaikan suami-isteri yang bertikai dan dalam menjaga darah mereka, dan itu lebih afdhal daripada hukum yang diputuskan beberapa wanita. Apakah alasanmu sudah terjawab dengan ini? Mereka menjawab: "Ya".

Aku berkata: "Adapun dakwaan kamu bahawa Ali berperang (melawan pihak 'Aisyah) namun tidak menawan dan tidak mengambil harta rampasan perang, saya bertanya, apakah kamu akan menawan ibu kamu yakni 'Aisyah? Apakah ia halal bagi kamu sebagaimana tawanan lain halal bagi kamu? Jika kamu katakan bahawa ia halal bagi kamu sebagaimana halalnya tawanan yang lain, maka kamu telah kufur. Atau jika kamu katakan ia bukan ibumu, kamu kafir. 'Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang mukmin dari diri mereka sendiri dan isteri-isterinya adalah ibu-ibu mereka (kaum Mukminin)' (Al Ahzab: 6). Maka kamu berada di antara dua kesesatan, cuba kamu pilih salah satu? Apakah ini sudah menjawab alasan kamu?". Mereka menjawab: "Ya".

Ibnu Abbas berkata, "Adapun perkataan kamu bahawa Ali menghapuskan gelaran Amirul Mu'minin daripadanya, maka aku akan sampaikan hal yang kamu redhai. Bukankah Nabi SAW pada Hudaibiyah membuat perjanjian dengan kaum Musyrikin. Rasulullah berkata kepada Ali, "Tulislah wahai Ali, ini adalah perdamaian yang dinyatakan oleh Muhammad Rasulullah". Namun kaum musyrikin berkata, "Tidak! andai kami percaya bahawa engkau Rasulullah, tentu kami tidak akan memerangimu". Maka Rasulullah SAW bersabda, "Kalau begitu hilangkan tulisan "Rasulullah" wahai Ali. Ya Allah, sungguh Engkau Maha Mengetahui bahawa aku adalah Rasul-Mu. Hapus saja, wahai Ali. Dan tulislah, ini adalah perdamaian yang dinyatakan oleh Muhammad bin Abdillah". Padahal Rasulullah SAW tentu lebih utama daripada Ali. Namun beliau sendiri pernah menghapus gelaran "Rasulullah". Namun penghapus gelaran tersebut ketika itu tidak menghapus kenabian beliau. Apakah alasan kamu sudah terjawab dengan ini?". Mereka berkata: "ya".

Ibnu Abbas berkata, "maka bertaubatlah sekitar 12,000 orang di antara mereka, dan selebihnya tetap memberontak. Mereka akhirnya mati dalam kesesatan mereka. Kaum Muhajirin dan Ansarlah yang membunuh mereka".



Semoga banyak pelajaran yang diambil dari kisah ini, semoga Allah menetapkan kita di jalan-Nya yang lurus.

## Tawanan Perang

Amat mengejutkan ramai tawanan perang dilayan dengan kasar dan secara tidak baik. Dalam sebuah akhbar menyebut senarai tebusan yang ditawan dan telah dibunuh. Antaranya, Steven Sotloff dan James Foley (wartawan AS), David Haines (pekerja bantuan Britain), Herve Gourdel (pemandu gunung rakyat Perancis), Alan Henning (pekerja bantuan Britain), Peter Kassig (pekerja bantuan AS), Sofiene Chourabi dan Nadhir Katari (wartawan Tunisia), Haruna Yukawa (ahli perniagaan Jepun), Kenji Goto (Wartawan Jepun), dan Maaz al-Kassasbeh (juruterbang Jordan yang dibakar hidup-hidup pada akhir Januari 2015 yang lalu). Begitu juga dengan tebusan yang bernama Kayla Mueller telah terbunuh dalam satu serangan baru-baru ini.

Keadaan ini menunjukkan bahawa tiada kesudahan jika antara satu sama lain cuba mengancam sehingga mengakibatkan nyawa menjadi begitu murah. Selain itu, ramai tawanan perang telah dilayan dengan layanan yang kurang baik. Bertambah teruk lagi rakan taulan mereka yang dikatakan cuba melarikan diri selepas menyertai kumpulan ini akan dibunuh. Mereka akan dipenggal leher atau ditembak mati kerana alasan telah mengkhianati perjuangan.

Islam telah menggariskan peraturan berkenaan dengan isu tawanan terutamanya apabila pihak tentera musuh ditawan. Bacalah sejarah bagaimana tawanan perang Badar dilayan oleh Rasulullah SAW dan juga peperangan yang lain. Tetapi seperti yang kita ketahui, pelaksanaan hukuman terhadap tawanan begitu menggerunkan seperti menyembelih dan juga membakar hidup-hidup sedangkan Rasulullah SAW menyebut dalam sebuah hadith yang sahih:

فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ

Maksudnya:

"Apabila kamu membunuhnya maka bunuhlah dalam keadaan yang paling baik."

(Riwayat Muslim, no.1955)

Dengan membunuh secara kejam atau membakarnya, sudah tentu ia melambangkan sikap sebahagian orang Islam yang keras dan ekstremis tanpa boleh bertoleransi. Marilah sama-sama kita muhasabah dengan menekuni

kembali sejarah Islam yang unggul bagaimana tentera Islam melayan tawanan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan lain-lain antaranya Salahuddin al-Ayyubi.

### Timbulnya Islamophobia

Ini boleh jadi kerana rasa kebimbangan dan kewaspadaan terhadap Islam. Tambahan pula, terdapatnya gambaran kekerasan dan keganasan yang ditonjolkan oleh sekelompok umat Islam menambahkan lagi kegerunan mereka. Islamophobia juga mungkin muncul dengan sebab eksteremis dan bersifat keras dalam satu-satu perkara yang sepatutnya ada ruang *tasamuh*. Tambahan pula terdapat pandangan yang begitu radikal tanpa meraikan perubahan dan realiti masa kini. Mereka pula yang dianggap sebagai agamawan selalu bertembung sesama mereka tanpa memahami dan memelihara adab berkhilaf. Natiujahnya imej Islam bertambah buruk pada mata musuh Islam.

Dengan ini, Yahudi dan musuh Islam akan mengambil kesempatan dengan cara melabelkan Islam sebagai agama yang dianggap sebagai keras, kasar dan lain-lain lagi. Mereka menggunakan pelbagai bentuk media sama ada akhbar atau rangkaian televisyen dengan pelbagai siaran untuk meletakkan imej Islam yang tidak sebenar.

Antara penyelesaiannya ialah umat Islam amat perlu menonjolkan betapa indahnya Islam dengan pelbagai sifat seperti rahmat, kasih sayang, toleransi dan segala yang mahmudah. Dengan kita menekuni sirah Rasulullah SAW, para sahabat dan generasi kegemilangan Islam dahulu, kita akan dapati betapa hebatnya cara Islam dipersembahkan kepada ummah.

Umat Islam perlu kembali kepada ketulenan Islam (أصالة إسلامية) dengan semangat yang jitu melalui kekuatan ilmu dan penggunaan sepenuhnya teknologi yang tinggi sebagaimana pernah dilakukan oleh tokoh Islam zaman silam.

### Beberapa Renungan dan Cabaran

Selepas melihat kemelut yang berlaku di dunia Islam pada masakini yang diserang di segenap aspek termasuk *al-ghazwu al-fikr* iaitu serangan pemikiran maka sewajarnya umat Islam menginsafi akan hadith Nabi SAW



يُوشِكُ الْأُمَمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكْلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا " . فَقَالَ قَائِلٌ وَمَنْ قَلَّةٍ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ قَالَ " بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ وَلَكِنَّكُمْ غُثَاءٌ كَعُثَاءِ السَّيْلِ وَلَيَنْزِعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَدُوِّكُمْ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ وَلَيَقْذِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ " . فَقَالَ قَائِلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْوَهْنُ قَالَ " حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ "

**Maksudnya:**

"Nyaris orang-orang kafir menyerbu dan membinasakan kamu, seperti halnya orang-orang yang menyerbu makanan di atas piring." Seseorang berkata, "Apakah kerana sedikitnya kami waktu itu?" Beliau bersabda, "Bahkan kamu waktu itu banyak sekali, tetapi kamu seperti buih di atas air. Dan Allah mencabut rasa takut musuh-musuhmu terhadap kamu serta menimpakan hatimu penyakit wahn." Seseorang bertanya, "Apakah wahn itu?" Beliau menjawab, "Cinta dunia dan takut mati."

(Riwayat Abu Daud, no. 4297)

Itulah realiti umat Islam akhir zaman yang sentiasa cuba digugat oleh musuh-musuh Islam. Hasilnya mereka cuba untuk melemahkan umat Islam dalam serba serbi dan terpaksa tunduk kepada mereka semua. Sebagai contoh:

- Ekonomi umat Islam begitu parah yang menyebabkan mereka sentiasa ditindas dan penguasaan ekonomi jelas menjadi milik mereka yang memusuhi Islam.
- Peperangan saudara dan pertelingkahan samada antara negara umat Islam dengan yang lain atau sesama Islam dalam sebuah negara juga berantakan di kebanyakan tempat menyebabkan nadi kekuatan umat Islam begitu lesu dan longlai.
- Tahap penguasaan umat Islam begitu lemah terutamanya bidang teknologi dan keperluan masakini sehingga perbezaan yang begitu ketara antara negara maju dari segi kemudahan dan teknologi berbanding dengan negara Islam yang mundur.
- Seterusnya, cara dan gaya pemikiran umat Islam dan strategi adalah pada tahap yang lemah berbanding musuh-musuh Islam. Justeru, tidak hairanlah mereka menguasai banyak segi sehingga umat Islam begitu ketinggalan dan tidak mempunyai daya saing untuk bangkit dan maju.

- Kemunduran dan kebangkrapan akhlak begitu ketara sehingga tatasusila dan kesopanan sudah hilang dalam kamus kehidupan umat Islam. Ini menyebabkan mereka hanya Islam pada nama, keturunan dan tanah watan semata-mata. Hakikat sebenar, mereka berada di satu lembah sedangkan Islam berada di lembah yang lain.
- Institusi kekeluargaan yang begitu rapuh sehingga kadar perceraian meningkat dengan mendadak yang akhirnya mengakibatkan keruntuhan rumah tangga dan terbiarnya anak-anak yang menjadi generasi pewaris. Tekanan psikologi terhadap mereka menatijahkan sikap prejudis dan negatif begitu menebal serta bersarang dalam kehidupan mereka. Inilah akibat daripada lemahnya institusi rumahtangga.

Dinyatakan di sini bahawa berlakunya salah faham dalam menterjemahkan erti jihad dan maksud sebenarnya yang akhirnya tidak menepati apa yang disarankan dalam al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabi SAW. Mereka juga keliru berkenaan dengan adab jihad sedangkan para ulama telah menulis secara khusus berkenaan dengan *fiqh al-jihad* dengan tujuan memberi kefahaman yang sebenar, sah lagi jelas dalam hal jihad.

### Penyelesaiannya

Sudah tentu penyelesaian terbaik adalah kembali kepada sumber rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah seterusnya melihat dan mengkaji bagaimana cara para ulama' menafsirkan berdasarkan kefahaman yang bersifat *wasatiy* dalam menterjemahkan pada kehidupan realiti untuk memantapkan sistem kehidupan Islam yang sebenar.

Begitu juga penekanan kepada ukhuwwah Islamiyyah yang disepadukan semata-mata dibawah agama Allah sepertimana apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika berhijrah ke Kota Madinah. Natiujahnya, musuh tidak dapat merobek kesatuan ummah tetapi kita tetap unggul dengan penyatuan ini.

Syeikh Muhammad Said Ramadhan al-Buti berpesan:

*"Di sebuah taman, terdapat pelbagai pohon kayu, ada yang besar dan ada yang kecil. Mereka hidup dalam keadaan yang bersuka ria. Tiba-tiba, pada suatu hari, jatuh sebilah mata kapak menyebabkan semua pohon kayu menangis dan berada dalam ketakutan. Ini kerana sudah pasti mereka semua akan ditebang. Akhirnya, mereka bertemu dengan pohon yang paling tua dan mengadu akan hal tersebut. Lantas pohon tua yang mempunyai banyak pengalaman itu berkata:*



'Jangan takut dan jangan menangis. Sesungguhnya mata kapak tidak boleh menebang kamu selama kamu tidak memberikan kepadanya dahan-dahan kamu untuk dijadikan hulu kapak.'

Seterusnya, umat Islam amat perlu mendalami ilmu kerana ia sebenarnya sebahagian daripada jihad. Dengan ilmu dan kefahaman yang sahih, sudah tentu menatijahkan sifat dan watak Muslim sejati yang layak menjadi khalifah Allah di muka bumi. Betapa pentingnya menuntut ilmu sehingga Allah memasukkannya bersekali dengan jihad seperti yang termaktub dalam Surah al-Taubah ayat 122:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا  
فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

#### **Maksudnya:**

"Dan tidak sepatutnya bagi orang-orang yang beriman itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi daripada setiap golongan di kalangan mereka beberapa orang untuk mendalami pengetahuan tentang agama dan supaya mereka dapat memberi peringatan kepada kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang itu kembali kepada mereka. Mudah-mudahan mereka itu dapat menjaga diri mereka (dari melakukan larangan Allah)."

## **Penutup**

Sejarah Rasulullah SAW di Kota Mekah dan Madinah juga cukup untuk menjadi bukti bahawa keputusan tentang jihad hanya berada di bawah kuasa pemerintah dan tidak harus untuk menjerumuskan orang Islam ke dalam bahaya yang akibatnya tidak diinginkan.

Oleh yang demikian, jihad perlu diberi pengertian yang sebenar di samping melihat *aulawiyat*-nya dan hendaklah mengikut situasi dan perkembangan masa kini kerana sifat Islam sesuai sepanjang zaman, tempat dan masa. Begitu juga jihad mempunyai pembahagiannya yang banyak yang perlu diberi perhatian yang khusus oleh pemerintah, para ulama, ibu bapa dan juga masyarakat.

Mufakkir Islami Syeikh Muhammad al-Ghazali dalam bukunya **Jaddid Hayatak** (جدد حياتك) antara lain menyatakan: "Sungguh sayang, banyak orang yang menzalimi hakikat keimanan kepada Allah dan hari akhirat. Menurut

mereka, keimanan menghalang seseorang untuk mendapatkan kehidupan yang sebenarnya sebagaimana bayangan bumi yang menghalangi sinar bulan sehingga terjadinya gerhana. Bagi mereka, keimanan merosak kehidupan manusia sehingga mereka terlempar ke dalam jurang keterasingan. Lebih jauh, keimanan dianggap telah menarik penderitaan, kesempitan, kesukaran, dan kesedihan dalam kehidupan. Pemahaman seperti ini tentu sahaja sangat keliru dan menyalahi hakikat agama. Rasulullah SAW tidak pernah mengajarkan kefahaman seperti itu. Rasulullah tidak pernah mengajarkan bahawa keimanan akan merosakkan kehidupan. Justeru, baginda berdoa :

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةٌ أَمْرِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا  
مَعَاشِي، وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ  
حَيْرٍ، وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ

**Maksudnya:**

"Ya Allah, perbaikkanlah bagiku agamaku sebagai benteng urusanku, perbaiklah bagiku duniaku yang menjadi tempat kehidupanku, perbaiklah akhiratku yang menjadi tempat kembaliku. Ya Allah, jadikanlah kehidupan ini sebagai nilai tambah bagiku dalam segala kebaikan dan jadikanlah kematianku sebagai kebebasanku dari segala keburukan."

Mengapa mereka menganggap keimanan membawa kepada kepedihan, penderitaan dan kecemasan? Mengapa mereka menganggap penderitaan dan kesedihan merupakan perantara utama untuk meraih redha Allah?

Akhir kalam, marilah sama-sama kita berganding bahu dalam menegakkan syiar Islam dengan penuh hikmah yang disulami dengan ilmu serta dada yang penuh dengan sifat terbuka dan toleransi. Jauhkan diri kita daripada terikut-ikut sesuatu urusan atau perkara tanpa memahaminya dengan jelas.

